

15/04/1997

KL-Kaherah perluas bidang kerjasama

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dan Mesir hari ini memeterai lima perjanjian bagi mengukuhkan hubungan diplomatik serta meningkatkan perdagangan dua hala kedua-dua negara.

Perjanjian itu - Jaminan Pelaburan; Pengangkutan Udara; Pengelakkan Cukai Dua Kali; Kerjasama Pelancongan serta Memorandum Persefahaman antara Pusat Promosi Mesir dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Matrade) - ditandatangani sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Mesir, Dr Kamal Ahmed el-Ganzoury ke sini.

Ia disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri mengadakan perbincangan kira-kira sejam dengan Dr Kamal.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir dan rakan sejawatannya itu dijangka menandatangani satu lagi perjanjian esok membabitkan usaha sama pelbagai projek.

"Perjanjian ini penting kerana ia memberi peluang kepada Malaysia dan Mesir meluaskan bidang kerjasama selepas hanya terbabit dalam politik dan pendidikan.

"Kita berharap hubungan diplomatik kedua-dua negara bertambah kukuh dan Malaysia menjadi pintu masuk kepada usahawan Mesir untuk melabur di rantau ini," katanya selepas majlis itu di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Pada 1996, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Mesir berjumlah RM625 juta. Eksport barangan Malaysia ke Mesir ialah RM606 juta manakala import RM19 juta.

Sehingga kini, tidak ada pelaburan Mesir di Malaysia dan hanya sebuah syarikat Malaysia beroperasi di negara itu iaitu Sime-Darby Edible Oils Product.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Anggota rombongan Mesir pula ialah Menteri Elektrik, Mohamed Mahar Abaza; Menteri Pentadbiran Tempatan, Dr Mahmud Sharif; Menteri Perdagangan dan Bekalan, Dr Ahmed Genuili; Menteri Hal-Ehwal Kabinet, Talaat Hamaad dan Menteri Industri, Soliman Redha.

Selain itu, 31 kakitangan kerajaan serta 25 usahawan negara berkenaan turut berada di ibu negara sempena lawatan itu. Dr Kamal dan rombongannya dijadualkan pulang selepas menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar di Istana Negara, petang esok.

Terdahulu, dalam upacara sambutan rasmi di Medan Parlimen, Dr Kamal diiringi Dr Mahathir memeriksa perbarisan 104 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai Mejar Hamdi Abdul Rahman.

(END)